



中国工商银行

INDUSTRIAL AND COMMERCIAL BANK OF CHINA LIMITED

(Dipertubuhkan di Republik Rakyat Cina)

Ibu Pejabat : 55 Fuxingmennei Avenue, Xicheng District, Beijing, China 100140

Tel: 86-10-6610 6114

Cawangan di Singapura : 6 Raffles Quay #12-01, Singapore 048580

Tel: 6538 1066 Fax: 6538 1370

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN

Hujung tahun 31 Disember 2021
(Dalam juta RMB, kecuali dinyatakan sebaliknya)

	2021	2020
ASET		
Wang tunai dan baki dari bank-bank pusat	3,098,438	3,537,795
Hutang dari bank-bank dan institusi-institusi kewangan	827,150	1,081,897
Aset kewangan terbitan	76,140	134,155
Perjanjian belian semula berbalik	663,496	739,288
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan	20,109,200	18,136,328
Pelaburan kewangan	9,257,760	8,591,139
- Pelaburan kewangan ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	623,223	784,483
- Pelaburan kewangan ditetapkan pada nilai saksama melalui pendapatan keseluruhan lain	1,803,604	1,540,988
- Pelaburan kewangan diukur pada kos pelunasan	6,830,933	6,265,668
Pelaburan dalam syarikat sekutu dan usaha sama	61,782	41,206
Hartanah dan peralatan	290,296	286,279
Aset cukai pendapatan tertunda	79,259	67,713
Lain-lain aset	707,862	729,258
JUMLAH KESELURUHAN ASET	35,171,383	33,345,058

	2021	2020
LIABILITI		
Hutang kepada bank-bank pusat	39,723	54,974
Liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai melalui keuntungan dan kerugian	87,180	87,938
Liabiliti kewangan terbitan	71,337	140,973
Hutang kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain	2,921,029	2,784,259
Perjanjian belian semula	365,943	293,434
Sijil deposit	290,342	335,676
Hutang kepada pelanggan	26,441,774	25,134,726
Cukai pendapatan yang perlu dibayar	92,443	89,785
Liabiliti cukai pendapatan tertunda	5,624	2,881
Pengeluaran jaminan hutang	791,375	798,127
Lain-lain liabiliti	179,355	712,770
JUMLAH KESELURUHAN LIABILITI	31,896,125	30,435,543

	2021	2020
EQUITI		
Ekuiti berpunca daripada pemegang ekuiti syarikat induk		
Modal syer	356,407	356,407
Lain-lain instrumen ekuiti	354,331	225,819
Rizab	926,375	800,718
Perolehan tertahan	1,620,642	1,510,558
	3,257,755	2,893,502
Faedah-faedah tidak terkawal	17,503	16,013
JUMLAH KESELURUHAN EKUITI	3,275,258	2,909,515
JUMLAH KESELURUHAN EKUITI DAN LIABILITI	35,171,383	33,345,058

PENYATA UNTUNG RUGI YANG DISATUKAN

Hujung tahun 31 Disember 2021
(Dalam juta RMB, kecuali dinyatakan sebaliknya)

	2021	2020
Pendapatan faedah	1,162,218	1,092,521
Perbelanjaan faedah	(471,538)	(445,756)
PENDAPATAN FAEDAH BERSIH	690,680	646,765
Pendapatan yuran dan komisen	148,727	146,668
Perbelanjaan yuran dan komisen	(15,703)	(15,453)
PENDAPATAN YURAN DAN KOMISEN BERSIH	133,024	131,215
Pendapatan perdagangan bersih	8,955	2,222
Keuntungan bersih pada pelaburan kewangan	16,440	11,829
Lain-lain pendapatan kendalian, bersih	11,781	8,044
PENDAPATAN KENDALIAN	860,880	800,075
Perbelanjaan kendalian	(236,227)	(206,585)
Pelemahan kerugian pada aset	(202,623)	(202,668)
KEUNTUNGAN KENDALIAN	422,030	390,822
Perkongsiannya keuntungan dari syarikat sekutu dan usaha sama	2,869	1,304
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	424,899	392,126
Perbelanjaan cukai pendapatan	(74,683)	(74,441)
KEUNTUNGAN UNTUK TAHUN INI	350,216	317,685
Keuntungan tahun ini dikaitkan dengan:		
Pemegang ekuiti syarikat induk	348,338	315,906
Faedah tidak terkawal	1,878	1,779
KEUNTUNGAN UNTUK TAHUN INI	350,216	317,685
PENDAPATAN SETIAP SYER		
- Asas (yuan RMB)	0.95	0.86
- Tercair (yuan RMB)	0.95	0.86

PENYATA UNTUNG RUGI YANG DISATUKAN DAN PENDAPATAN KESELURUHAN LAIN

Hujung tahun 31 Disember 2021
(Dalam juta RMB, kecuali dinyatakan sebaliknya)

	2021	2020
Keuntungan untuk tahun ini	350,216	317,685
Pendapatan keseluruhan lain (selepas cukai, bersih)		
Barangan yang tidak dikategorikan sebagai untung atau rugi:		
Perubahan nilai saksama instrumen cara ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keseluruhan pendapatan lain	(1,180)	1,289
Lain-lain pendapatan keseluruhan yang diiktiraf melalui cara ekuiti	15	(5)
Lain-lain	28	8
Barangan susulan yang mungkin dikategorikan sebagai untung atau rugi:		
Perubahan nilai saksama instrumen hutang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan keseluruhan lain	1,623	(3,042)
Kerugian kredit instrumen hutang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan keseluruhan lain	1,827	1,051
Rizab dari instrumen lungdung nilai syer tunai	442	(253)
Pendapatan keseluruhan lain yang diiktiraf melalui cara ekuiti	541	14
Perbezaan penukaran matawang asing	(12,353)	(16,212)
Lain-lain	885	1,311
Jumlah kecil bagi pendapatan keseluruhan lain untuk tahun ini	(8,172)	(15,839)
Jumlah pendapatan keseluruhan lain untuk tahun ini	342,044	301,846
Jumlah keseluruhan pendapatan dikaitkan dengan:		
Pemegang ekuiti syarikat induk	340,089	300,536
Faedah tidak terkawal	1,955	1,310
	342,044	301,846

Nota-nota ini membentuk bahagian yang penting dalam Penyata Kewangan Bank yang diaudit dan kefahaman yang menyeluruh terhadap penyata-penyata dan hal ehwal bank tidak boleh dicapai tanpa merujuk kepada Penyata Kewangan Bank yang diaudit secara keseluruhan. Laporan Tahunan Bank serta nota-nota kepada Penyata Kewangan dan senarai anak-anak syarikat boleh didapati dari: Industrial and Commercial Bank of China Limited, Cawangan Singapura, 6 Raffles Quay #12-01, Singapura 048580 atau di laman web (www.icbc-ltd.com).

NISBAH KECUKUPAN MODAL

(Dalam juta RMB, kecuali peratusan)

	Pada 31 Disember 2021	Pada 31 Disember 2020
Butiran		
Modal asas bersih	3,909,669	3,396,186
Modal teras tahap 1 bersih	2,886,378	2,653,002
Aset berjawaran risiko	21,690,349	20,124,139
Nisbah kecukupan modal teras tahap 1	13.31%	13.18%
Nisbah kecukupan modal tahap 1	14.94%	14.28%
Nisbah kecukupan modal	18.02%	16.88%

Jika syarikat berada di bawah kuasa penerima, prosiding pembubaran atau prosiding yang sama bagi bank ini, undang-undang negara yang dipertubuhkan tidak memerlukan bank untuk memberikan keutamaan yang kurang kepada para penyimpan di pejabat-pejabat luar negaranya, termasuk cawangan Singapura, berhubung dengan penyimpan di negara setempat, dalam pembayaran semula deposit.

PENGARAH-PENGARAH, PENYELIA DAN PIHAK PENGURUSAN KANAN BANK

Nama	Jawatan
Chen Siqing	Pengerusi, Pengarah Eksekutif
Liao Lin	Naib Pengerusi, Pengarah Eksekutif, Presiden
Huang Liangbo	Pengerusi Pegawai-pegawai Kanan
Zheng Guoyu	Pengarah Eksekutif, Naib Presiden Eksekutif Senior
Wang Jingwu	Pengarah Eksekutif, Naib Presiden Eksekutif Senior, Ketua Pegawai Risiko
Lu Yongzhen	Pengarah Bukan Eksekutif
Feng Weidong	Pengarah Bukan Eksekutif
Cao Liqun	Pengarah Bukan Eksekutif
Chen Yifang	Pengarah Bukan Eksekutif
Dong Yang	Pengarah Bukan Eksekutif
Anthony Francis Neoh	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Yang Siu Shun	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Shen Si	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Nout Wellink	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Fred Zulu Hu	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada para pemegang saham Industrial and Commercial Bank of China Limited
(diperbadankan di Republik Rakyat Cina dengan liabiliti terhad)

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Industrial and Commercial Bank of China Limited (dirujuk sebagai "Bank") dan anak-anak syarikatnya (dirujuk sebagai "Kumpulan") yang dibentangkan di muka surat 153 hingga 274, yang merangkumi kedudukan penyata kewangan dan Bank yang disatukan pada 31 Disember 2021, penyata untung rugi yang disatukan, penyata untung rugi yang disatukan dan lain-lain pendapatan yang menyeluruh yang disatukan, penyata perubahan dalam ekuiti yang disatukan dan penyata aliran tunai yang disatukan bagi tahun yang telah berakhir, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain maklumat penjelasan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disatukan memberikan gambaran sebenar dan adil mengenai kedudukan kewangan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan yang disatukan serta aliran wang tunai yang disatukan bagi tahun yang telah berakhir, menurut Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRSs") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IASB") dan telah disediakan dengan tepat menurut keperluan pendedahan oleh Ordinan Syarikat Hong Kong.

Dasar untuk Pendapat

Kami menjalankan audit menurut Piawaian Antarabangsa dalam Audit ("ISAs"). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dijelaskan lebih lanjut di bahagian tanggungjawab juruaudit dalam mengaudit penyata kewangan yang disatukan di dalam laporan kami. Kami tidak terikat dengan Kumpulan, ia sejajar dengan kod Etika bagi Akauntan Profesional yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan (Kod) dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain menurut keperluan-keperluan ini berdasarkan Kod. Kami yakin bahawa bukti audit yang kami telah terima sudah mencukupi dan sesuai untuk dijadikan asas bagi pendapat kami.

Perkara-perkara audit penting

Perkara-perkara audit yang utama adalah perkara-perkara yang, dalam pertimbangan profesional kami, paling penting di dalam audit penyata kewangan yang disatukan bagi tempoh semasa. Perkara-perkara ini diuruskan dalam konteks audit pernyataan kewangan yang disatukan secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami seterusnya, dan kami tidak memberi pendapat yang berasingan mengenai perkara-perkara tersebut.

Maklumat Lain

Pengarah-pengarah bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain merangkumi semua maklumat yang disertakan dalam laporan tahunan, selain daripada penyata kewangan yang disatukan dan laporan juruaudit kami.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan gabungan tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan ke atasnya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan yang disatukan, tanggungjawab kami ialah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, kami mempertimbangkan sama ada maklumat lain tidak konsisten dengan penyata kewangan yang disatukan atau pengetahuan kami yang diperoleh dari audit atau salah nyata dari segi butirannya.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami laksanakan, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata maklumat lain, kami diminta untuk melaporkan fakta tersebut. Kami tidak ada apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab pengarah bagi penyata kewangan yang disatukan

Pengarah-pengarah bertanggungjawab dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan yang menggambarkan penjelasan yang sebenar dan adil menurut IFRS yang dikeluarkan oleh IASB dan keperluan pendedahan di bawah Ordinan Syarikat Hong Kong, dan bagi kawalan dalaman yang pengarah-pengarah anggap perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang disatukan yang bebas daripada kesalahan yang nyata dalam penyata, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan, pengarah-pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan untuk meneruskan operasinya, mendedahkan jika ada perkara-perkara yang berkaitan dengan penerusan operasi dan menggunakan asas perakaunan operasi berterusan kecuali pengarah-pengarah sama ada ingin membubarkan Kumpulan atau menghentikan operasi, atau tidak ada alternatif yang realistik melainkan untuk melakukan sedemikian.

Pengarah-pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk memantau proses pelaporan kewangan Kumpulan.

Tanggungjawab juruaudit untuk penyata kewangan yang disatukan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang sewajarnya mengenai sama ada penyata kewangan yang disatukan ini secara keseluruhannya bebas daripada kesalahan pengisytiharan yang nyata, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan sebuah laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Ia dibuat khusus untuk anda, sebagai sebuah pertubuhan, dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap atau menerima liabiliti daripada mana-mana individu atas kandungan laporan ini.

Jaminan yang diberi adalah jaminan tahap tinggi tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan menurut ISA akan selalunya mampu mengesan kesalahan pengisytiharan yang nyata apabila ia wujud.

Kesalahan pengisytiharan boleh berlaku daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap nyata dan penting jika, secara individu atau secara berkumpulan, ia sewajarnya dijangkakan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna berdasarkan penyata kewangan yang disatukan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang mematuhi ISA, kami melaksanakan penilaian profesional dan sentiasa mengamalkan sikap ragu-ragu yang profesional di sepanjang audit dijalankan. Kami juga:

- Mengenali sama ada menilai risiko kesalahan pengisytiharan yang nyata bagi penyata kewangan yang disatukan, dan berdasarkan bukti audit yang didapati, sama ada wujud ketidakpastian yang nyata berkaitan dengan kejadian atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar kepada keupayaan Kumpulan untuk meneruskan operasinya. Jika kami menyimpulkan bahawa wujudnya ketidakpastian yang nyata, kami diperlukan untuk menyatakan dengan jelas di dalam laporan juruaudit kami mengenai pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan yang disatukan, atau, jika pendedahan tersebut tidak cukup untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulannya kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan audit kami. Namun, kejadian atau keadaan yang berlaku pada masa akan datang boleh mengakibatkan Kumpulan menghentikan operasinya.
- Menilai keseluruhan penyampaian, struktur dan kandungan penyata kewangan yang disatukan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan yang disatukan itu mewakili transaksi dan kejadian yang berlaku untuk mencapai penyampaian yang adil.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi berkenaan dengan maklumat kewangan entiti atau kegiatan perniagaan di dalam Kumpulan untuk membolehkan kami memberi pendapat mengenai penyata kewangan yang disatukan. Kami bertanggungjawab ke atas hala tuju, penyediaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami bertanggungjawab sepenuhnya ke atas audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Jawatankuasa Audit mengenai, antaranya, skop dan tempoh yang dirancang bagi audit dan penemuan audit yang penting, termasuk mana-mana kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang telah kami kenal pasti semasa perlaksanaan audit kami.

Kami juga memberi Jawatankuasa Audit kenyataan bahawa kami telah mematuhi syarat-syarat etika yang relevan berkenaan dengan kebebasan dan telah berkomunikasi dengan mereka dalam semua perhubungan dan hal-hal lain yang sewajarnya untuk membuktikan kebebasan kami dan, jika berkaitan, tindakan yang diambil untuk menghapuskan ancaman atau tindakan perlindungan.

Mengenai hal-hal yang disampaikan kepada Jawatankuasa Audit, kami menentukan bahawa perkara-perkara yang paling utama dalam mengaudit penyata kewangan yang disatukan bagi tempoh semasa, adalah perkara-perkara audit yang penting. Kami menjelaskan perkara-perkara ini dalam laporan juruaudit kecuali jika undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam ke atas perkara-perkara tersebut atau bila, dalam keadaan yang amat jarang berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara tidak sepatutnya disampaikan di dalam laporan kami kerana ia boleh menyebabkan akibat buruk jika dibuat demikian, maka kesan akibat tersebut mengatasi faedah pendedahan awam bagi perkara tersebut.

Rakan kerja yang terlibat dalam audit ini untuk menghasilkan laporan bebas ini adalah Wu Wei Jun, David.

Deloitte Touche Tohmatsu
Akauntan Awam Bertauliah
Hong Kong

30-Mar-22